

Ketepatan lebih 200,000 timbang sukat diragui

Kuala Lumpur: Status ketepatan lebih 200,000 pelekat bagi jenis alat timbang sukat bagi tujuan perdagangan diragui, selepas tidak memperbaharui pelekat penentusan semula dengan Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM).

Pelekat penentusan itu hanya akan dikeluarkan syarikat perkhidmatan penentusan dan penentusan semula alatan berkenaan, selepas menjalani pemeriksaan bagi setiap 12 bulan sekali.

Sehingga Oktober lalu, hanya 257,421 alat timbang dan sukat diberikan pelekat penentusan semula di seluruh negara.

Berdasarkan baki sehingga 31 Disember ini, jumlah yang sepatutnya menjalani penentusan semula jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

Secara purata, lebih 450,000 alat timbang dan sukat menjalani pro-

ses penentusan semula bagi mengukur ketepatan bagi tahun 2017 dan 2018.

Antara alat timbang dan sukat yang banyak digunakan dalam urusan harian ialah alat timbang emas, timbang neraca spring, alat timbang elektronik, dispenser pam minyak dan perakam masa letak kenderaan.

Situasi itu menimbulkan persoalan dalam kalangan pengguna kerana peniaga dikatakan mengambil peluang berkenaan untuk mengaut untung, menyebabkan pengguna kerugian akibat ditipu.

Mengulas perkara itu, Pengurus MCM, Ibrahim Hamzah menegaskan, situasi berkenaan boleh menyebabkan berlaku memnipulasi.

"Alatan yang tidak tepat boleh menyebabkan kerugian kepada pengguna. Contohnya, dalam kes timbang berat kelapa sawit. Jika



Ada juga peniaga yang sengaja mengubah suai alat timbang dengan alasan kes alat timbang berkenaan rosak.

Ibrahim Hamzah,
Pengurus MCM

setiap tan sawit yang ditimbang itu kurang satu kilogram (kg), berapa banyak yang mereka rugi.

"Sebab itulah, semuanya mestilah ditentusahkan di kawasan masing-masing. Kita ada 34 cawangan di seluruh negara, jadi tidak timbul soal jarak dan susah untuk menjalani pemeriksaan," katanya.

Bagi alat timbang kekal dan sukar dibawa ke pejabat MCM, katanya, pasukan pemeriksa akan datang ke lokasi berkenaan, termasuk dispenser pam minyak.

Ibrahim berkata, setiap alat timbang yang sudah ditentusahkan, akan dipasang pelekat khas berwarna hijau yang direkodkan tarikh tamat tempoh guna serta cap MCM.

"Ada juga peniaga yang sengaja mengubah suai alat timbang dengan alasan kes alat timbang berkenaan rosak. Mereka memang

dibenarkan membaiki kerosakan tetapi dengan syarikat yang berlesen sahaja.

"Apabila sudah siap, alatan itu mesti menjalani proses penentusan semula dalam tempoh tujuh hari," katanya.

Katanya, setiap kerja penentusan dikenakan bayaran mengikut ketetapan kerajaan, mengikut Jadual 9, Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981," kata-nya.

Ketika ini, katanya, lebih 90 peratus alat timbang dan sukat perdagangan menjalani proses penentusan semula, tetapi situasinya berbeza di kawasan luar bandar atau pedalaman.

"Ada lebih 700 syarikat pembuat berdaftar di seluruh negara. Peniaga boleh menghantar alat mereka untuk diperbaiki sebelum dibawa ke cawangan MCM," katanya.

HARI : **SABTU**
TARIKH : **14/12/2019**
MSURAT :